



• SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

HASiL

HASiL/2022/07/12 – 46

EMPAT EKOR LEMBU, BAKUL MAKANAN DAN WANG TUNAI DISUMBANGKAN OLEH HASiL CAWANGAN KENINGAU

Keningau, 12 Julai 2022 – Sebanyak empat ekor lembu dikorbankan selain penyerahan bakul makanan dan wang tunai telah disumbangkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Cawangan Keningau dalam Program Ibadah Korban dan Program Tanggungjawab Sosial (SR) bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidiladha 1443 Hijriah pada hari ini.

Program yang digerakkan oleh Pejabat Pengarah Negeri Sabah (PPNS) dengan kerjasama Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPNWPKL) ini turut dibantu oleh Jawatankuasa Surau An-Nur Kampung Bandukan Baru Keningau. Seramai 60 orang warga kerja HASiL yang diketuai oleh Tuan Haji Mohamad Zain bin Mohamad Said, Pengarah PPNWPKL dan Encik Mazlan Mandin, Pengarah HASiL Cawangan Keningau terlibat dalam program yang bermula seawal pukul 7.00 pagi di perkarangan Surau An-Nur Kampung Bandukan Baru Keningau.

Program secara gotong-royong ini dimulakan dengan sesi penyembelihan haiwan korban dan diikuti dengan sesi melapah, sesi menimbang sebelum sesi agihan daging korban kepada golongan asnaf serta para penerima sumbangan khususnya warga penduduk Kampung Bandukan Baru. Pengajuran program murni ini merupakan antara salah satu inisiatif tahunan HASiL dalam menyantuni serta membantu golongan yang kurang bernasib baik bertepatan dengan semangat sambutan Hari Raya Aidiladha yang menggalakkan umat Islam bersedekah serta memuliakan golongan yang memerlukan.

Menurut Tuan Haji Mohamad Zain bin Mohamad Said, objektif utama program yang dianjurkan bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara HASiL dengan pihak penduduk di sekitar Daerah Keningau, malah ia sememangnya telah menjadi amalan HASiL ke arah melahirkan warga kerja dan organisasi yang prihatin kepada masyarakat. Ujar beliau lagi, melalui sumbangan wang tunai yang diberikan, HASiL berharap ia sedikit sebanyak dapat membantu pihak surau An-Nur Kampung Bandukan Baru dalam menambah baik keperluan sedia ada selain membantu mengimarahkan surau berkenaan. Dalam program tersebut beliau juga turut menyerahkan sumbangan berupa bakul makanan kepada 20 orang asnaf yang dipilih bagi program ini.

Turut bersama-sama menjayakan program ini ialah Encik Bacho Abdul Karim, Pengarah HASiL Cawangan Kuala Lumpur Bandar, Encik Alexander Iskandar bin Tanggang Mahmud, Timbalan Pengarah HASiL Cawangan Keningau dan Encik Herman bin Haji Salim, Pengurus Surau An-Nur Kampung Bandukan Baru Keningau. Program ini diakhiri dengan sesi solat Zohor secara berjemaah serta jamuan makan tengah hari.

Semoga dengan pelaksanaan program seperti ini dapat memberi peluang kepada HASilian untuk berbakti kepada masyarakat setempat di samping menzahirkan HASiL sebagai sebuah *sharing organisation* yang juga menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Semoga sumbangan dan usaha murni ini mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 12 Julai 2022

LAMPIRAN

Tuan Haji Mohamad Zain Mohamad Said, Pengarah Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPNWPKL) menyampaikan ucapan perasmian Program Ibadah Korban dan Program Tanggungjawab Sosial (SR) di Surau An-Nur, Kampung Bandukan Baru Keningau. (Gambar di atas)

Tuan Haji Mohamad Zain Mohamad Said menyaksikan petugas program melapah haiwan korban sebelum ia diagihkan kepada para penerima. (Gambar di bawah)



LAMPIRAN



Tuan Haji Mohamad Zain Mohamad Said menyerahkan sumbangan wang tunai kepada Surau An-Nur Kampung Bandukan Baru, Keningau yang diterima oleh Pengurusnya, Encik Herman Haji Salim sambil disaksikan oleh Encik Bacho Abdul Karim, Pengarah HASIL Cawangan Kuala Lumpur Bandar (nomor 1 dari kanan) dan Encik Mazlan Mandin, Pengarah HASIL Cawangan Keningau (nomor 3 dari kiri). (Gambar di atas)

Tuan Haji Mohamad Zain Mohamad Said dan pegawai HASIL bergambar bersama dengan para petugas program serta penerima sumbangan. (Gambar di bawah)

